



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **PERALIHAN FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA DAN KELONGGARAN SOP**

#### **A. Peralihan Fasa-Fasa Pelan Pemulihian Negara (PPN)**

Mengambil kira penilaian risiko semasa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 hari ini bersetuju untuk peralihan Fasa PPN bagi negeri-negeri berikut berkuatkuasa 8 November 2021:

Beralih dari Fasa 3 ke Fasa 4: Perlis, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah.

Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi negeri-negeri yang memasuki Fasa 4 adalah sama dengan sebelum ini. Keterangan SOP terkini akan dikemaskini oleh MKN di laman sesawang rasmi [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my).

#### **B. Program Vaksinasi Untuk Anak Kapal di Pelabuhan Klang**

Anak-anak kapal di bawah pengurusan Lembaga Pelabuhan Klang dibenarkan untuk mengambil suntikan vaksin semasa persinggahan di Pelabuhan Klang tertakluk kepada kelulusan KKM, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Urusan penerimaan suntikan vaksin wajar dilaksanakan di atas kapal (*onboard*) bagi mengelakkan pergerakan berskala besar anak-anak kapal ke klinik atau fasiliti perubatan.

Lembaga Pelabuhan Klang telah diminta mengemukakan keperluan maklumat lanjut seperti penganjur, bilangan anak kapal yang terlibat dan lain-lain yang berkaitan bagi program vaksinasi untuk anak-anak kapal di Pelabuhan Klang.

#### **C. Kebenaran Masuk Stadium Bagi Remaja Bawah 18 Tahun Yang Telah Lengkap Vaksin**

Individu lengkap vaksin bagi semua peringkat umur dibenarkan memasuki stadium termasuklah semua fasiliti sukan dan syarat ini dimasukkan di dalam SOP. Kebenaran ini berkuatkuasa pada 8 November 2021.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum/tidak lengkap vaksin masih tidak dibenarkan memasuki stadium termasuklah semua fasiliti sukan. Pada masa ini, aktiviti makan dan minum di dalam stadium adalah tidak dibenarkan.

**D. Peralihan Pengurusan Stesen Kuarantin Hotel Kepada Stesen Kuarantin Swasta**

- i. Pengurusan stesen kuarantin ini adalah berdasarkan Garis Panduan Pembukaan, Pengoperasian dan Pemantauan Stesen Kuarantin Swasta yang telah disediakan oleh pihak NADMA.
- ii. Kutipan kos operasi COVID-19 berjumlah RM2,600 per pengembara bukan warganegara dimansuhkan manakala caj bagi stesen kuarantin masih berkuatkuasa dan caj yang dikenakan stesen kuarantin swasta adalah pada kadar yang sama (pakej standard) seperti sebelum ini yang berkuatkuasa pada 15 November 2021.
- iii. Kos kuarantin bagi tujuh (7) kumpulan warganegara Malaysia yang dikecualikan bayaran caj kuarantin ditanggung oleh Kerajaan.
- iv. Ujian ulangan saringan pengesanan COVID19 diselaraskan oleh KKM menerusi Jabatan Kesihatan Negeri / Daerah yang berkaitan.
- v. Pelaksanaan stesen kuarantin swasta ini bermula 7 hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 pada 5 November 2021.

Kerajaan menyeru agar semua kelonggaran-kelonggaran yang diberikan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat dengan penuh disiplin dan rasa tanggungjawab. Pakai pelitup muka, amalkan penjarakan fizikal serta sentiasa menjaga kebersihan diri.

Paling penting, dalam membantu usaha Kerajaan #ReopeningSafely, semua pihak amat digalakkan untuk mengamalkan TRIIS dengan sebaik mungkin iaitu 'Test', 'Report', 'Isolate', 'Inform', 'Seek' demi keselamatan diri, ahli keluarga dan orang sekeliling.

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN  
MENTERI KANAN PERTAHANAN  
5 NOVEMBER 2021**